

04/08/2004

Malik mahu takluk Selat Bering

KUALA LUMPUR: Perenang maraton negara, Datuk Abdul Malik Maidin mahu mendapatkan sokongan antarabangsa termasuk daripada bekas pemimpin terkemuka dunia dan veteran perang dalam usaha merealisasikan impiannya menakluk selat paling mencabar di dunia Selat Bering, Alaska pada 2006.

Abdul Malik berkata, beliau bercadang mengumpulkan sebanyak mungkin tandatangan daripada veteran perang dalam usaha membawa misi keamanan melalui projek yang dinamakan 'Renangan Malaysia Untuk Keamanan Sejagat'

Katanya, beliau juga akan berusaha mendapatkan sokongan daripada pemimpin dunia seperti tokoh pembebasan dan juga bekas Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, bekas presiden Amerika Syarikat (AS) Jimmy Carter dan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Sokongan ini adalah fasa pertama projek menakluk Selat Bering sebelum diteruskan dengan latihan fizikal, mental dan persediaan keperluan logistik," katanya pada majlis ulang tahun pertama kejayaannya menakluk Selat Inggeris bersama kakitangan kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP) di Balai Berita, semalam.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Pegawai Eksekutif NSTP, Syed Faisal Albar; Pengarang Kumpulan Berita Harian Sdn Bhd, Hishamuddin Aun, Pengarang Kumpulan New Straits Times (NST), Hardev Kaur dan Pengarang Harian Metro/Metro Ahad, Hafifi Hafidz.

Abdul Malik yang mencipta sejarah menjadi rakyat Malaysia pertama menyeberangi Selat Inggeris, tahun lalu mempertaruhkan Selat Bering di Lautan Pasifik Utara bagi projek keduanya.

Sekiranya berjaya, Abdul Malik akan menjadi lelaki pertama di dunia menyeberangi Selat Bering yang mencatat takat dingin antara 3.5 darjah selsius hingga 5 darjah selsius.

Abdul Malik berkata, satu pertubuhan bukan kerajaan (NGO) akan ditubuhkan bagi membantu beliau mendapatkan sokongan antarabangsa bagi projek itu.

Katanya, NGO itu akan dikenali sebagai 'Pelayar Manusia' akan bersama membantu beliau berjuang menyatakan misi keamanan kepada dunia.

(END)